



GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM DANA PENERBITAN ARTIKEL DALAMAN (SDPAD) UMS

1.0 PENGENALAN

Skim Dana Penerbitan Artikel Dalaman (SDPAD) diwujudkan bagi memperkasakan penerbitan dan editorial jurnal dalaman UMS. SDPAD bertujuan membantu pembiayaan yuran penerbitan artikel (*Article Processing Charge, APC*) atau yang seerti dengannya untuk penerbitan berbentuk artikel bagi menerbitkan artikel di jurnal dalaman UMS yang berstatus MyCite atau prosiding yang berindeks Scopus/WOS/ERA anjuran persidangan dalaman UMS.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menambah hasil produk karya asli dalam kalangan kakitangan UMS yang mempunyai kepakaran dan pengalaman bermutu.
- 2.2 Menghasilkan penerbitan karya ilmiah yang menjadi rujukan antarabangsa dan meningkatkan keterlihatan UMS.
- 2.3 Menggalakkan penganjuran persidangan dalaman yang berupaya menghasilkan penerbitan berimpak tinggi.
- 2.4 Membantu melestarikan sidang editorial dan pengurusan jurnal dalaman.

3.0 SYARAT UMUM

- 3.1 Penerbitan yang menggunakan peruntukan SDPAD adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam Dasar Penerbitan Ilmiah UMS.
- 3.2 Penerbitan jurnal dalaman UMS yang berindeks MyCite sahaja.
- 3.3 Prosiding hasil penganjuran persidangan dalaman UMS yang berindeks SCOPUS/WOS/ERA dibenarkan untuk memohon SDPAD.

4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 4.1 Skim dana ini terbuka kepada semua kakitangan akademik UMS bertaraf tetap dan kontrak yang berstatus aktif sahaja.
- 4.2 Afiliasi pemohon wajib menggunakan alamat Universiti Malaysia Sabah (UMS).

- 4.3 Pemohon mestilah merupakan pengarang penghubung (*Corresponding author*) atau Penulis utama (*First Author*) bagi penerbitan tersebut. Permohonan daripada salah satu pemohon sama ada pengarang penghubung atau penulis utama bagi yang mempunyai tajuk yang sama sahaja yang akan diambil kira.
- 4.4 Manuskrip yang diterbitkan telah diterima untuk penerbitan oleh jurnal atau penerbit pada tahun semasa.
- 4.5 Dana yang diluluskan hanya digunakan untuk membayar yuran pemprosesan dan/atau penerbitan artikel sahaja. Ini termasuk yuran pendaftaran seminar dalaman yang membiayai kos penerbitan prosiding yang berindeks SCOPUS/WOS/ERA. Kos seperti percetakan semula, yuran penyuntingan atau yuran terjemahan tidak akan dipertimbangkan.
- 4.6 Jumlah penerbitan dalam setiap permohonan adalah tidak melebihi jumlah siling peruntukan yang ditetapkan dan tertakluk kepada baki semasa.

5.0 SILING PERUNTUKAN

- 5.1 Siling peruntukan bagi setiap artikel adalah tertakluk kepada jenis artikel berindeks seperti berikut:

Indeks	Jenis Artikel	Jumlah Siling (RM)
Scopus/WOS/ERA	Prosiding (persidangan dalaman UMS)	1,000.00
MyCite	Jurnal (dalaman UMS yang berdaftar)	500.00

- 5.2 Sekiranya jumlah bayaran yuran penerbitan artikel melebihi siling peruntukan, bayaran lebihan adalah ditanggung oleh pemohon.
- 5.3 Pembayaran yang telah dibuat dengan menggunakan geran atau mana-mana sumber bantuan lain tidak akan dilayan.
- 5.4 Kelulusan adalah tertakluk kepada terma dan syarat dan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh pihak universiti.

6.0 TATACARA PERMOHONAN

- 6.1 Pemohon perlu mengemukakan permohonan melalui **Borang Permohonan Dana Penerbitan Artikel Dalaman (SDPAD)**.
- 6.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dilampirkan bersama dengan dokumen sokongan seperti berikut:
 - a. Salinan surat atau e-mel penerimaan daripada penerbit atau jurnal.

- b. Inbois atau Resit bayaran yuran penerbitan yang akan diterbitkan pada tahun semasa dari penerbit atau jurnal.
 - c. Bukti prosiding berindeks Scopus/WOS/ERA ATAU jurnal dalaman berindeks MyCite.
 - d. Salinan muka depan manuskrip prosiding atau jurnal.
- 6.3 Hanya penerbitan yang didaftarkan menggunakan e-mel rasmi UMS sahaja yang akan dipertimbangkan.
- 6.4 Permohonan perlu dikemukakan sebelum atau pada tarikh tamat permohonan sebagaimana yang ditetapkan oleh Penerbit UMS. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

7.0 PEMANTAUAN DAN LAPORAN

- 7.1 Pemohon hendaklah melampirkan dan mengemukakan bukti penerbitan kepada pihak Penerbit UMS sebagai rekod selewat-lewatnya satu bulan selepas pembayaran dilaksanakan atau selepas manuskrip diterbitkan secara salinan keras.
- 7.2 Sekiranya artikel ditarik balik (*retracted*) atau tidak diterbitkan atau tidak berindeks Scopus/WOS/ERA/MyCite, pemohon bertanggungjawab untuk memulangkan dana yang diterima.

8.0 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN SKIM DANA PENERBITAN ARTIKEL DALAMAN (SDPAD)

Sila lihat Lampiran 1.

Lampiran 1: Carta Alir Proses Permohonan Skim Dana Penerbitan Artikel Dalaman (SDPAD)

